

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai. **SP5.1.1**

cermin mata
merah padam

tanda nama
tahan lasak

tinggi lampai
menarik diri

- 1 Budak yang _____ itu tidak menangis walaupun terjatuh ke dalam longkang.
- 2 Muka kakak _____ menahan marah apabila adik menconteng diarilya.
- 3 Peraturan memakai _____ bagi setiap murid sudah lama dikuatkuasakan.
- 4 Mei Ling _____ daripada menyertai ekspedisi itu kerana tidak mendapat keizinan bapanya.
- 5 Gadis yang _____ itu ialah sepupu Hanizan.
- 6 "Pandangan saya menjadi kabur jika tidak memakai _____," kata Azrin.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Pengalaman jatuh bangun semasa zaman pemerintahan Jepun masih segar dalam ingatan datuk.

- 2 Pihak kami akan menjalankan uji kaji untuk memilih pengacara bagi program baharu itu.

- 3 Para peserta yang menyertai perkhemahan itu diwajibkan membawa lampu tidur.

- 4 Ketua kumpulan kongsi-gelap itu telah diberkas oleh pihak polis.

- 5 Mayat pelancong asing itu akan dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk disoal siasat.

- 6 Sesi temu ramah bagi jawatan Pegawai Tadbir itu akan dimulakan pada pukul 9:00 pagi.

- 7 Nenek terpaksa menggunakan kasut roda kerana kakinya sudah tidak kuat untuk berjalan.

- 8 Sebagai tuan tanah, Encik Malik dan Puan Harlina mengucapkan terima kasih kepada tetamu yang menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan mereka.

[16 markah]